

## Elmina Ridge 1 Milik Sime Darby Property Raih Permintaan Tinggi Selepas Pelancaran Rasminya

- Bandar Elmina memperkenalkan presint eksklusifnya yang terletak bersebelahan dengan hutan simpan seluas 2,700 ekar, dan menampilkan gaya hidup mampan yang berintegrasikan alam semula jadi.
- Fasa pertama Elmina Ridge 1 di Bandar Elmina mencapai kadar pengambilan sebanyak 100%.

**ARA DAMANSARA, 28 MEI 2024** – Sime Darby Property telah melancarkan fasa pertama Elmina Ridge 1 dengan kadar pengambilan yang cemerlang sebanyak 100%. Pencapaian ini menunjukkan keupayaannya untuk menarik penduduk ke Bandar Elmina yang berinspirasi kesejahteraan dan biodiversiti bandar. Fasa pertama Elmina Ridge 1 terdiri daripada 122 unit dengan Nilai Pembangunan Kasar ("*Gross Development Value*" atau "GDV") sebanyak RM201.7 juta.

Terletak bersebelahan dengan Hutan Simpan Bukit Cherakah seluas 2,700 ekar, Elmina Ridge merupakan salah satu presint yang paling eksklusif dalam Bandar Elmina. Meliputi kawasan seluas 572 ekar, presint eksklusif ini menawarkan persekitaran berteraskan alam semula jadi dan mengutamakan keluarga, yang menawarkan gabungan ketenangan dan kesejahteraan dari kesibukan bandar.

Presint berkepadatan rendah ini dilengkapi dengan 6.5 unit seekar yang terletak di dalam 220 ekar ruang hijau, 83 ekar taman tasik yang tenang, dan dikelilingi oleh alam semula jadi dengan kawasan berbukit dan kehijauan tropika.

Elmina Ridge 1 menawarkan 228 unit yang terdiri daripada rumah *superlink*, kluster dan berkembar dengan jumlah GDV sebanyak RM373 juta. Rumah *Superlink* mempunyai 4 bilik tidur dan bilik mandi *en-suite* dengan keluasan binaan antara 2,265 hingga 2,697 kaki persegi, dengan harga bermula daripada RM1.2 juta. Rumah Kluster, dengan 4+1 bilik tidur dan 4 bilik mandi, mempunyai keluasan binaan seluas 2,732 kaki persegi, dan bermula daripada RM1.5 juta. Rumah berkembar dilengkapi dengan 4+1 bilik tidur, 5 bilik mandi dan ruang keluarga yang luas di tingkat satu, menawarkan binaan seluas 3,237 kaki persegi, dan berharga daripada RM2.0 juta.

Elmina Ridge 1 adalah komuniti berpagar yang menawarkan kejiranan persendirian dan berkepadatan rendah. Penduduk akan mendapat akses eksklusif kepada 20 kemudahan utama seperti gelanggang tenis dan badminton, padang *putting*, denai kembara (*hiking trails*), zon *CrossFit*, taman permainan kanak-kanak, dan banyak lagi. Pembangunan tersebut juga berhampiran dengan kawasan hijau seluas 10 ekar.

Ketua Pegawai Operasi – Pembangunan Perbandaran, Sime Darby Property, Appollo Leong, berkata bahawa projek ini adalah rumah berkonsepkan biofilik yang pertama di Bandar Elmina. Ia direka bentuk dengan kawasan penanaman dalaman tersendiri, panel *skylight*, dan tingkap yang luas untuk mengintegrasikan alam semula jadi dan pencahayaan semula jadi ke dalam rumah, yang mewujudkan gabungan harmoni antara keselesaan moden dan gaya hidup mesra alam.

“Semasa proses pembangunan Elmina Ridge, misi kami adalah untuk mereka bentuk ruang yang mengintegrasikan landskap alam semula jadi dan ciri seni bina kontemporari, yang mencerminkan dedikasi Sime Darby Property terhadap kelestarian dan kehidupan yang menitikberatkan alam. Kami ingin menjadikan Elmina Ridge sebagai presint rendah karbon yang melambangkan komitmen kami terhadap kelestarian dan nilai gaya hidup dengan sempurna,” tambah Appollo.

Untuk memenuhi keperluan inisiatif kehidupan hijau yang kian berubah, setiap kediaman dilengkapi dengan panel solar dan bateri, peranti pengecasan kenderaan elektrik, penebat bumbung menggunakan bahan bulu mineral kaca, kunci digital untuk pintu utama, dan panel bumbung *skylight* untuk pencahayaan yang lebih semula jadi serta penanaman dalaman.

Presint Elmina Ridge mudah diakses ke Elmina Lakeside Mall yang akan dibuka tidak lama lagi, Taman Pusat Elmina, Lebuhraya Koridor Guthrie, dan cadangan laluan perhubungan masa depan ke Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam ("DASH").

Fasa 2 Elmina Ridge 1 kini dibuka untuk pendaftaran keutamaan. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com/city-of-elmina/elmina-ridge-1/](http://www.simedarbyproperty.com/city-of-elmina/elmina-ridge-1/)

#### **-TAMAT SIARAN-**

#### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangannya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehendakan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselenggarakan oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2023, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju hartanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | [alia.miorazhar@simedarbyproperty.com](mailto:alia.miorazhar@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)